

Penggunaan Google Drive Dalam Membantu Penghasilan Tugas Penulisan Ilmiah Yang Berformat

Faziah binti Abdullah

Mohd Nazly bin Mokhtar

Unit Pendidikan Islam dan Moral, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah
faziah@kmkk.matrik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian tindakan penggunaan Google Drive dalam membantu pelajar menguasai format penulisan semasa proses menyiapkan tugas penulisan ilmiah untuk Penilaian Berterusan (PB) Pendidikan Islam di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah. Pemerhatian dokumen dan analisis pematuhan format digunakan sebagai instrumen kajian. Tinjauan awal telah dilaksanakan terhadap dokumen penulisan pelajar menggunakan aplikasi Google Drive. Hasil pemerhatian terhadap pelajar Pendidikan Islam di Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah didapati sebanyak 51.78% penulisan ilmiah pelajar patuh format umum penulisan manakala 48.21% lagi tidak mematuhi format penulisan yang telah ditetapkan. Kajian ini juga mengambil kira pengaruh penggunaan Google Drive dalam proses menghasilkan penulisan ilmiah. Peserta kajian terdiri daripada lapan pelajar pendidikan Islam Kolej matrikulasi Kejuruteraan Kedah yang terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan.. Data telah dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk analisis diskriptif (peratus). Refleksi terhadap amalan, menunjukkan bahawa masalah dalam penghasilan penulisan ilmiah tidak berformat ini berpunca kaedah yang digunakan kurang berkesan dan difahami oleh pelajar. Penggunaan Google Drive semasa menghasilkan penulisan ilmiah di kalangan pelajar telah membolehkan pelajar mendapat semakan dan maklum balas dari pensyarah dan membuat tindakan pembetulan terhadap penulisan mereka dengan lebih afektif. Analisa terhadap senarai semak pematuhan penulisan ilmiah sebelum dan dibandingkan dengan analisa pematuhan penulisan selepas penggunaan Google Drive kajian mendapati penulisan ilmiah peserta kajian yang menggunakan Google Drive semasa proses penulisan lebih mematuhi format penulisan umum yang telah ditetapkan bertambah sebanyak 27.68%.

Kata Kunci: Google Drive, penulisan ilmiah